

25 JUL 1997

Johari-Sekolah

SEKOLAH LEWAT SIAP DIBERI TEMPOH SEHINGGA NOVEMBER

KUCHING, 25 Julai (Bernama) -- Kontraktor-kontraktor terlibat dalam projek pembinaan sekolah di Sarawak yang dirancangan dalam Rancangan Malaysia Keenam (RMK-6) tetapi masih belum menyiapkannya akan diberi tempoh sehingga November ini untuk menyiapkannya sebelum mereka disenaraihitamkan.

Menteri Pembangunan Perindustrian Datuk Abang Johari Tun Abang Haji Openg berkata, setakat ini 17 buah sekolah, sembilan daripadanya sekolah menengah yang dirancangan untuk pembinaan dalam RMK-6 masih lagi belum dapat disiapkan mengikut jadual.

"Kalau kelewatan dua atau tiga bulan kita boleh bertolak-ansur tetapi kalau enam bulan hingga satu tahun ini agak membimbangkan," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat pelaksanaan projek pendidikan di Sarawak di sini, hari ini.

Johari yang juga Menteri bertanggungjawab bagi pendidikan dan agama berkata, tempoh sehingga November diberi supaya sekolah berkenaan akan dapat digunakan pada Januari 1998.

Beliau berkata, kontraktor-kontraktor yang gagal menyiapkan projek berkenaan mungkin tidak akan diberi peluang untuk melaksanakan projek yang sama dalam Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK-7) yang melibatkan pembinaan sebanyak 29 buah sekolah.

Menurut beliau, masalah yang sering dihadapi oleh kontraktor berkenaan ialah kelemahan pengurusan pelaksanaan projek dan kelewatan mendapat bahan binaan.

Kerajaan negeri mahu kontraktor terlibat supaya lebih bertanggungjawab dalam melaksanakan projek mereka kerana kelewatan akan membawa kerugian kepada rakyat sendiri.

Sementara itu, Johari berkata Sarawak tidak mempunyai masalah untuk menyeragamkan undang-undang Islam.

Dalam laporan akhbar hari ini, Setiausaha Majlis Ugama Islam Sabah Datuk Jamdin Buyung berkata, Sabah sedang menunggu masa untuk mengkaji perkara berkenaan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum ini menyarankan undang-undang Islam di seluruh negara diseragamkan. -- BERNAMA

RDY PR